



**JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

SIARAN MEDIA

TINDAKAN TATATERTIB KEPADA KETUA JABATAN YANG GAGAL MELAKSANAKAN PUSINGAN KERJA MULAI OKTOBER

PUTRAJAYA, 26 SEPTEMBER 2024 – Dalam usaha memastikan setiap Kementerian dan Jabatan berupaya meningkatkan penyampaian perkhidmatan secara optimum dan berkesan, semua Ketua Jabatan dikehendaki untuk melaksanakan pusingan kerja di organisasi masing-masing mulai Oktober. Saranan ini merupakan salah satu inisiatif yang disasarkan dalam **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam** selari dengan Surat Edaran Pelaksanaan Urusan Pusingan Kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 14 Mei 2024.

Langkah ini merupakan elemen penting dalam pengayaan dan peluasan tugas (*job enrichment and job enlargement*) yang menyumbang kepada kemajuan kerjaya pegawai awam dari segi peningkatan kompetensi, pengalaman dan motivasi. Selain itu, pusingan kerja ini juga dapat membendung dan menangani masalah prestasi kerja, ketirisan dana awam, penyalahgunaan kuasa dan amalan rasuah.

Justeru, semua Ketua Jabatan hendaklah memandang serius terhadap pelaksanaan pusingan kerja di Kementerian atau Jabatan masing-masing. **Ketua Jabatan perlu mengenal pasti dan melaksanakan pusingan kerja terhadap pegawai yang wajar ditukarkan** bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan sentiasa dinamik dan menepati kehendak semasa.

Kegagalan dalam melaksanakan pusingan kerja boleh disifatkan sebagai cuai dalam melaksanakan tugas dan tidak bertanggungjawab. Ketua Jabatan boleh dikenakan **tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993]**.

JPA percaya bahawa tindakan ini akan menjadi peringatan kepada semua pegawai awam tentang kepentingan melaksanakan tugas dan mematuhi arahan yang telah ditetapkan. JPA akan terus memantau dan menilai pelaksanaan pusingan kerja ini untuk memastikan matlamat yang diharapkan tercapai.

####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 26 September 2024

E-mel : komunikasi@jpa.gov.my

No.Rujukan: JPA.100-9/1/2 Jld.2 (76)